



**KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**TEKS UCAPAN  
YB DATO SERI MAHDZIR KHALID  
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR  
BANDAR**

**SEMPENA:  
MAJLIS ANUGERAH INSTITUSI  
PENDIDIKAN TVET @KPLB 2022**

**PADA:  
20 OKTOBER 2022 (KHAMIS)**

**BERTEMPAT:  
HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia

Terima kasih Saudara dan Saudari

Pengacara Majlis

## **SALUTASI**

(Akan diberikan pada hari program)

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada petang ini bagi meraikan tenaga pengajar, pelajar dan alumni Institusi Pendidikan TVET dibawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), iaitu dalam Majlis Anugerah Institusi Pendidikan TVET KPLB 2022.

2. Pertamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Sektor Dasar, KPLB serta seluruh jawatankuasa yang terlibat kerana berjaya menganjurkan majlis anugerah ini. Majlis ini amat bermakna bagi menghargai dan mengiktiraf usaha serta khidmat cemerlang di kalangan institusi, tenaga pengajar, pelajar dan alumni TVET KPLB.
3. Inisiatif dan komitmen yang dizahirkan oleh KPLB dalam menganjurkan pelbagai program TVET, umpamanya majlis pada petang ini, menunjukkan bahawa pihak KPLB sentiasa mendokong usaha Kerajaan dalam mengiktiraf agenda pemeraksanaan TVET.
4. Saya percaya bahawa kecemerlangan yang dicapai dengan penuh semangat dan kegigihan oleh semua pihak yang terlibat perlu diberikan

pengiktirafan dan penghargaan sewajarnya. Adalah diharapkan anugerah ini akan menjadi galakan yang mampu meningkatkan motivasi dan mendorong pencapaian serta sumbangan lebih aktif tuan-tuan dan puan-puan untuk melonjak kecemerlangan Institusi Pendidikan TVET KPLB.

5. Untuk itu, syabas dan tahniah diucapkan kepada bakal-bakal penerima anugerah. Anugerah ini adalah sebagai simbol kejayaan yang telah dicapai oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
6. Namun ianya bukanlah menjadi titik noktah kepada usaha berterusan untuk mengangkat martabat Pendidikan TVET ke satu tahap yang lebih tinggi.

## KECEMERLANGAN MODAL INSAN

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

7. KPLB melalui Institusi Pendidikan TVET di bawahnya mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam membangunkan modal insan berkualiti dan memperkasakan generasi belia luar bandar. Fokus TVET KPLB adalah untuk memperkasa komuniti luar bandar dengan ilmu pengetahuan, kemahiran insaniah (*soft skills*) dan kemahiran teknikal (*hard skills*), meningkatkan kebolehpasaran modal insan luar bandar dalam pelbagai sektor, serta menjadikan TVET sebagai pilihan utama belia luar bandar, di mana belia luar bandar meliputi 25.5 peratus atau 2.5 juta orang daripada keseluruhan 9.79 juta orang belia di Malaysia.

8. Pembangunan modal insan dalam bidang TVET ini dapat dilihat menerusi enrolmen pelajar yang tinggi sehingga telah mencapai 61,986 orang pelajar di 280 Institusi Pendidikan TVET KPLB pada masa kini. Oleh yang demikian, saya yakin bahawa program yang disediakan di bawah Institusi Pendidikan TVET KPLB mampu menyediakan platform terbaik untuk melonjakkan lagi penghasilan modal insan berkualiti dan generasi belia luar bandar yang unggul.
9. Selain itu, Institusi Pendidikan TVET KPLB turut mendapat pelbagai pengiktirafan dan kejayaan di peringkat antarabangsa, contohnya pada bulan April yang lalu, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Masjid Tanah, Melaka telah melakar sejarah apabila menjadi Institusi Pendidikan TVET pertama menerima Anugerah Platinum daripada Suruhanjaya Pensijilan dan Akreditasi Asia Pasifik (APACC).

10. Manakala, enam (6) lagi institusi di bawah MARA iaitu MARA-Japan Industrial Institute (MJII), KKTM Kuantan, KKTM Ledang, KKTM Sri Gading, KKTM Rembau dan KKTM Kemaman turut meraih Anugerah Emas di peringkat Asia Pasifik.
11. Antara faktor kejayaan institusi-institusi ini adalah dengan memberi fokus kepada program-program TVET berimpak tinggi dalam bidang berteknologi terkehadapan seperti aeroangkasa, pembinaan kapal, teknologi rel, robotik, *advanced manufacturing*, *biomedical*, *electronic industrial* dan lain-lain.
12. Terkini, UniKL kekal dalam senarai universiti terbaik dunia berdasarkan Laporan *Times Higher Education (THE) World University Ranking 2023*, yang mana UniKL kini berada pada kedudukan nombor 14 kelompok

universiti terbaik Malaysia 2023 dan kedudukan nombor 1,201 hingga 1,500 kelompok universiti terbaik dunia. Laporan *THE World University Ranking 2023* ini mengukur prestasi institusi merentas empat (4) bidang iaitu pengajaran, penyelidikan, pemindahan pengetahuan (*knowledge transfer*) dan pandangan antarabangsa (*international outlook*).

13. Kejayaan-kejayaan ini memberikan imej dan reputasi yang amat baik kepada Institusi Pendidikan TVET KPLB secara keseluruhannya. Berpandukan model kejayaan ini, semua Institusi Pendidikan TVET KPLB wajar memberikan fokus kepada *niche* atau bidang kepakaran institusi masing-masing khususnya dalam program berteknologi tinggi dan masih kurang diceburi pada ketika ini, contohnya bidang solar dan tenaga bersih.



14. Terima kasih kepada seluruh warga pentadbir institusi TVET KPLB yang sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan berkualiti demi kelangsungan pendidikan anak bangsa.
  
15. Sehubungan itu, selaras dengan peranan penting yang dimainkan oleh institusi-institusi ini, KPLB akan menganugerahkan Anugerah Institusi Terbaik kepada institusi dalam program masing-masing sama ada di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pelbagai aspek antaranya seperti pengiktirafan yang diterima, kerjasama dengan industri, produk inovasi, inisiatif Revolusi Industri (IR) 4.0 dan sebagainya.

16. Selain itu, penilaian Anugerah Institusi Terbaik turut mengambilkira kecemerlangan dan pencapaian pengajar dan pelajarnya seperti penyertaan dalam pertandingan kemahiran, pertandingan inovasi dan kebolehpasaran graduan.
17. Dalam usaha melahirkan lebih ramai modal insan yang cemerlang dalam pelbagai bidang dan bersedia untuk memikul tanggungjawab membangunkan negara bangsa di era pasca pandemik yang amat mencabar ini, pengajar merupakan tunjang utama dalam membekalkan pendidikan kemahiran yang inklusif kepada pelajar dan belia.
18. Pada masa ini, terdapat kekuatan seramai 4,671 pengajar sedang berkhidmat di Institusi Pendidikan TVET KPLB di seluruh negara dalam pelbagai bidang pengajian kemahiran yang sentiasa bersedia untuk mencurahkan bakti kepada anak bangsa.

19. Setiap pengajar perlu sentiasa meningkatkan kecemerlangan diri, realiti dan jati diri masing-masing untuk menjadi yang terbaik, demi untuk melahirkan lebih ramai generasi pelajar yang realiti menguasai ilmu dan teknologi terkini, memiliki jati diri yang tinggi, mempunyai nilai etika yang kukuh dan mampu berdaya saing di peringkat global.
20. Di samping itu, semua pengajar perlu memperkukuhkan diri dengan ilmu pengetahuan, dan meningkatkan kepakaran, serta kemahiran secara berterusan dan berstruktur, menerusi pelbagai program kemahiran dan peningkatan kemahiran (*reskilling* dan *upskilling*), realiti sangkutan, serta memupuk amalan pembelajaran sepanjang hayat, dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan kepada pelajar adalah yang terkini dan memenuhi kehendak realiti.

21. Dengan adanya pengajar yang berkualiti serta melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang dilengkapi dengan kemudahan dan suasana pembelajaran yang kondusif, maka ianya sudah pasti dapat merangsang kepada pembentukan pelajar yang cemerlang. Benarlah ungkapan yang menyatakan bahawa orang hebat mampu melahirkan beberapa karya bermutu, tetapi guru yang baik dapat melahirkan ribuan tokoh hebat.
22. Kepada para pelajar pula, manfaatkan ruang dan peluang yang telah diberikan untuk menuntut di Insititusi Pendidikan TVET KPLB bagi mencipta kejayaan pada masa hadapan. Berusahalah bersungguh-sungguh dengan mempersiapkan diri dengan ilmu kemahiran, demi mendepani realiti dunia luas yang kian mencabar dan berubah-ubah.

23. Sehubungan itu, bagi tujuan penganugerahan Anugerah Pengajar Terbaik dan Anugerah Pelajar Terbaik, kecemerlangan diukur antara lain dari segi prestasi dan kelayakan, kepimpinan dan keperibadian, serta sumbang dan pengiktirafan, dan pembangunan sendiri berkenaan dalam bidang kepakaran masing-masing.

## **KECEMERLANGAN IKON TVET @KPLB**

Hadirin yang dimuliakan,

24. Tidak ketinggalan bagi penganugerahan untuk Ikon TVET KPLB akan memberi tumpuan kepada penglibatan dan sumbangan yang diberikan oleh alumni atau bekas pelajar daripada Institusi Pendidikan TVET KPLB, khususnya dalam tiga (3) bidang utama yang dipertandingkan iaitu bidang akademik, bidang kemahiran dan bidang

keusahawanan. Selain itu, penganugerahan khas juga akan diberikan kepada ikon terpilih yang memberikan sumbangan besar kepada masyarakat.

25. Sumbangan dan pencapaian signifikan ikon-ikon ini dalam bidang yang dinyatakan wajar diiktiraf dan diangkat sebagai *role model* kerana impak dan manfaat yang diberikan untuk program TVET.
26. Saya mengharapkan lebih ramai alumni dan bekas pelajar yang telah berjaya dapat dicungkil dan diangkat sebagai ikon di masa akan datang. Saya juga berharap ikon-ikon ini dapat membantu menyebarkan kejayaan TVET agar ianya menjadi sumber inspirasi kepada pelajar-pelajar dan masyarakat terhadap program TVET.

## **ASPIRASI PROGRAM TVET KPLB**

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

27. Kerajaan juga telah mensasarkan sekurang-kurangnya 55 peratus lepasan SPM akan melanjutkan pengajian dalam bidang TVET menjelang 2025. Sasaran ini juga adalah selari keperluan sumber tenaga manusia iaitu sebanyak 2.5 kali ganda yang dijanakan daripada sektor pendidikan TVET untuk keperluan pasaran buruh menjelang tahun 2025. Ianya boleh dicapai di mana TVET KPLB akan mempergiatkan lagi pelaksanaan program-program yang mampu mengarusperdanakan dan menjenamakan TVET sebagai pilihan utama pendidikan serta kerjaya khususnya di kalangan masyarakat luar bandar.

28. KPLB yakin bahawa program TVET KPLB berada di landasan yang betul untuk memenuhi aspirasi yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan menerusi Majlis TVET Negara (MTVET) dalam memartabatkan pendidikan TVET seiring dengan pendidikan akademik.
29. Pihak Kementerian berharap agar penganjuran anugerah ini dapat mencapai objektifnya. Saya juga berharap agar semua penerima anugerah berkenaan dapat meneruskan kecemerlangan dalam bidang kepakaran masing-masing dengan meningkatkan lagi usaha dan kecemerlangan prestasi supaya mampu bersaing lebih jauh di persada antarabangsa.
30. Semoga penganugerahan ini akan menyuntik semangat dan meningkatkan lagi motivasi semua warga Institusi Pendidikan TVET



KPLB untuk terus menyumbang perkhidmatan yang terbaik dan sentiasa istiqamah persaingan secara sihat untuk melakar kejayaan demi kejayaan.

## **PENUTUP**

31. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua bakal penerima anugerah dalam Majlis Anugerah Institusi Pendidikan TVET KPLB 2022.
32. Ucapan tahniah juga diberikan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Panel Penilai dan Jawatankuasa Kerja yang terlibat atas kejayaan penganjuran majlis ini.

Sehingga itu sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.